

Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam (UA)

Tanjong Malim, 9-10 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor & Rektor Universiti Awam Malaysia (UA) Bil. 2 Tahun 2024. Mesyuarat yang diadakan di Scholar's Suites, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City menyaksikan seramai 15 orang Naib Canselor berkesempatan untuk singgah di bumi Muallim bersama beberapa ahli jawatankuasa yang lain.

Mesyuarat yang diadakan

setiap tiga bulan sekali ini dikendalikan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaku Sekretariat Mesyuarat JKNC/R UA manakala UPSI menyediakan kemudahan tempat mesyuarat yang dijalankan secara bersemuka dan dalam talian serta fasiliti-fasiliti lain.

Selain bermesyuarat, ahli turut teruja dengan aktiviti riadah yang disusun oleh urus setia untuk melihat keindahan dan kemudahan-kemudahan sedia ada mahupun yang dalam proses pembinaan di sekitar Kampus Sultan Azlan Shah dengan menaiki kenderaan empat roda ATV yang disediakan oleh Pusat Kokurikulum. Beberapa Naib Canselor yang ditemui menyatakan ia merupakan kunjungan kali pertama ke UPSI dan merasai keterujaan dengan pemandangan dan kemudahan yang dimiliki UPSI dengan berlatarbelakangkan Banjaran Titiwangsa semasa sesi riadah mengelilingi UPSI. Antara lokasi yang menjadi lokasi tumpuan semasa lawatan ini berlangsung ialah Dewan solar arena, UPSI Adventure Park (UAP), Parking Berbumbung Solar dan kawasan sekitar Kampus Sultan Azlan Shah.

Pada sebelah malamnya pula ahli mesyuarat diraikan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff pada satu majlis Majlis Makan Malam JKNC/R UA yang diadakan di Dewan Muallim, Scholar's Suites UPSI.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Executive Talk Naib Canselor 2.0 Menyemarakkan Komunikasi dan Kerjasama di UPSI

Tanjong Malim, 13 Jun- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini mengadakan program "Executive Talk Naib Canselor 2.0" yang dihadiri oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff. Program ini bertujuan memperkukuhkan komunikasi dalam kalangan pentadbir, menyelaraskan

gerak kerja di setiap peringkat pengurusan, serta menyediakan platform bagi pelaporan dan pembentangan pencapaian universiti setiap suku takwim tahunan.

Dalam ucapannya, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkongsi beberapa pencapaian

penting UPSI yang mencerminkan kemajuan dan komitmen universiti dalam pelbagai bidang. "Program ini adalah bukti komitmen kami untuk memastikan setiap peringkat pengurusan bergerak seiring dalam mencapai matlamat strategik universiti," tambah beliau.



Majlis Syarahan Suluh Budiman, Prof. Dr. Nur Ikhwan "Celik Fizikal: Satu Perjalanan"

Tanjong Malim, 12 Jun - Auditorium UPSI telah menjadi saksi kepada satu lagi Majlis Syarahan Suluh Budiman yang penuh inspirasi dengan tajuk "Celik Fizikal: Satu Perjalanan" yang disampaikan oleh Profesor Dr. Nur Ikhwan Mohamad dari Fakulti Sains Sukan &

Kejurulatihan. Dalam syarahannya, Profesor Dr. Nur Ikhwan Mohamad berkongsi ilmu dan pengalaman beliau yang luas dalam bidang sains sukan dan kejurulatihan.

Beliau menerangkan konsep dan dasar ilmu yang dipegang serta bagaimana prinsip-

prinsip ini dapat memberikan manfaat kepada pelajar dan komuniti akademik. Beliau menekankan pentingnya pendidikan asas yang kukuh dalam bidang fizikal dan bagaimana ia boleh menyokong proses pendidikan sepanjang hayat.

Kunjungan Delegasi Universitas Syiah Kuala Banda Aceh ke UPSI

Tanjong Malim, 10 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini menerima kunjungan delegasi dari Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP), Universitas Syiah Kuala (USK), Aceh, Indonesia. Lawatan ini bertujuan untuk penanda aras dan kolaborasi dalam usaha memperkukuhkan kualiti pendidikan dan pembelajaran serta hala tuju pelajar FKIP. Delegasi USK diketuai

oleh Dekan FKIP, Dr. Drs. Syamsulrizal M.Kes, dan disertai oleh Dr. Iflan Nauval, Direktur Direktorat Perencanaan dan Kemitraan, serta En. Ifwandi, Koordinator Program Studi SI Pendidikan. Ketibaan mereka disambut mesra oleh pihak pengurusan UPSI yang kemudian membawa mereka melawat sekitar Kampus Sultan Abdul Jalil Shah yang penuh dengan sejarah. Antara

intipati perbincangan dalam lawatan ini termasuklah cadangan untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) antara UPSI dan USK. Selain itu, promosi program prasiswazah dan pascasiswazah, program mobiliti pelajar dan latihan mengajar, penyelidikan dan perundingan, serta penganjuran konferens dan seminar bersama turut dibincangkan.



UPSI Lancar Aplikasi GeoAttendance, Mudahkan Sistem Kehadiran

Tanjong Malim, 12 Jun- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), melancarkan aplikasi GeoAttendance bagi memantapkan sistem kehadiran staf dan pelajar.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, GeoAttendance sangat mudah digunakan, menjimatkan masa pengguna dan boleh dilaksanakan oleh mana-mana agensi.

Menurutnya, dengan terhasilnya sistem itu,

UPSI menjadi universiti awam pertama yang mengintegrasikan aplikasi mobil untuk merekodkan kehadiran harian dan aktiviti dalam universiti secara GPS di mana data kehadiran akan terus dimuat naik ke dalam pangkalan data utama universiti.

"Sistem ini efisien untuk pengurusan kehadiran harian ke pejabat dan aktiviti rasmi universiti menggunakan aplikasi mobil berikutan diintegrasikan dengan teknologi Global Positioning System (GPS)," katanya ketika

berucap merasmikan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan Perhimpunan Bulanan UPSI Bulan Jun 2024 di Dewan Tuanku Canselor UPSI, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut menyempurnakan perasmian aplikasi berkenaan. Sementara itu, Ketua Pegawai Digital, Ts Dr. Megat Azrin Ahmad berkata, GeoAttendance turut dilengkapi ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan pemalsuan lokasi GPS oleh pengguna.

Kuala Lumpur



Kunjungan Hormat dan Perbincangan bagi Jalinan Kerjasama Projek Andalusi Scholars



Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam



MTUN Industry-Academia Discourse on Advanced TVET



FSK, Universitas Lambung Mangkurat, Indonesia Jalin Kerjasama



Kerjasama Strategik UPSI-MEITD Tingkatkan Profesionalisme Guru Sarawak